



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU HAIWAN KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEMBANTU HAIWAN KANAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Ekonomi Pertanian / Sains Haiwan / Sains Veterina atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Berkebolehan dalam mengendalikan komputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pengurusan dan pemeliharaan ternakan adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam pengurusan, kesihatan, pemakanan dan pemasaran industri ternakan kepada penternak;
2. Menjalankan program epidemiologi dengan menggunakan aplikasi *Epicollect* atau sebanding dengannya bagi tujuan pemantauan penyakit ternakan serta *traceability*;
3. Mengetuai serta mengendalikan program-program yang sedia ada dalam Unit seperti Program Pemantauan Kesihatan Haiwan Ternakan, Program Pencegahan *Rabies*, Program *Pharmacovigilance* dan lain-lain lagi;
4. Memantau *progress* KPI bagi program-program yang dijalankan Unit Kesihatan Haiwan dan Kawalan Penyakit bagi memastikan pencapaian matlamat dan sasaran Unit yang ditetapkan dan direbiu setiap tahun;
5. Merancang serta menyelia dalam segala pengurusan dan kumpulan-kumpulan ahli bertindak (*Rapid Action Teams*) bagi pelancaran program pemantauan penyakit setiap tahun;
6. Menjalankan latihan dan *training* bagi kakitangan dalam dan luar unit berkaitan dengan penyakit ternakan, pengendalian ubat-ubatan veterinar, pendaftaran doktor veterinar, pengambilan dan lain-lain lagi;
7. Mengawas dan menyediakan perancangan organisasi kerja bagi kakitangan dalam dan luar Unit Kesihatan Haiwan dan Kawalan Penyakit;
8. Menjalankan pemantauan dan *survelans* serta lawatan di ladang ternakan dan kawasan penternakan dan pemeliharaan;
9. Menyelaraskan pengumpulan maklumat ternakan dan pengurusan data pengeluaran ternakan;
10. Membantu menyediakan laporan bulanan, suku dan tahunan bagi hasil data yang diperlukan, data Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan macam-macam lagi bagi Unit, Bahagian, Jabatan dan juga Kementerian seperti yang diperlukan;



11. Menjalankan tugas sebagai penolong urusetia (sekretari) bagi semua pengurusan Majlis Veterinar Brunei Darussalam;
12. Menyediakan tugas sebagai urusetia (sekretari) bagi semua pengurusan Majlis Veterinar Brunei Darussalam; dan
13. Menerima dan melaksanakan tugas atau arahan-arahan lain yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian / Unit.